

08 JAN 1998

Mahathir- rasuah

RASUAH BOLEH GUGAT KESTABILAN NEGARA, KATA MAHATHIR

KUALA LUMPUR, 8 Jan (BERNAMA) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini mengingatkan bahawa amalan rasuah yang berterusan oleh pemimpin dan pentadbir terhadap golongan kurang berada merupakan satu bentuk penindasan sosial yang jika dibiarkan berterusan boleh menggugat kestabilan negara akibat kemarahan rakyat terhadap pemerintah.

"Jika wujud pula pakatan jahat antara pentadbir atau anggota pentadbiran dengan para peniaga atau pengusaha yang tamak, kesannya ialah kos pentadbiran dan pembangunan akan melambung naik.

"Dan rakyat akan terpaksa memikul kos ini kerana banyak kemudahan yang sepatutnya dibekalkan kepada rakyat tidak akan dapat dibekal atau segala bayaran untuk kemudahan umum akan menjadi tinggi," kata Perdana Menteri pada majlis pelancaran Gerakan Pemantapan Keutuhan Dalam Sistem Pengurusan Pentadbiran Kerajaan Malaysia di Ibu Pejabat Badan Pencegah Rasuah di sini.

Perdana Menteri berkata integriti dan amanah adalah sebahagian daripada etika yang baik dalam sesuatu sistem pengurusan.

"Sesuatu pentadbiran tidak boleh diuruskan jika tidak ada amanah kerana tanpa amanah pengurusan dan pentadbiran kerajaan tidak akan dapat dilaksanakan, malah boleh menyebabkan huru-hara dan keruntuhan kuasa kerajaan.

"Jika pegawai-pegawai yang diamanahkan untuk mengutip hasil mahsul negara tidak amanah, sudah tentu khazanah negara akan susut," katanya.

Dr Mahathir berkata ini kemudiannya menyebabkan kerajaan tidak dapat memperuntukkan kewangan yang cukup bagi membiayai urusan pentadbiran dan projek-projek pembangunan negara.

Beliau berkata dalam perniagaan juga, pekerja yang tidak amanah dalam menjaga harta benda dan kewangan majikannya lambat laun boleh menyebabkan perniagaan itu muflis dan pekerja sendiri akhirnya hilang pekerjaan.

Dr Mahathir berkata sekiranya ramai pekerja dan peniaga sesebuah negara tidak amanah dalam urusan mereka, perdagangan dalam dan luar negeri tidak akan berjalan baik dan seterusnya menjejaskan pertumbuhan ekonomi negara.

Katanya, nilai-nilai murni lain yang perlu ada di kalangan pekerja ialah kejujuran, keikhlasan, ketekunan, disiplin, ketertiban dan dedikasi yang jika diamalkan sentiasa, membolehkan penyeliaan pekerja tidak diperlu setiap masa.

"Ini sudah tentu akan meningkatkan kecekapan dan mengurangkan kos," katanya.

Dr Mahathir turut memberi contoh kejatuhan empayar zaman silam disebabkan keghairahan mengejar kemewahan hidup tanpa landasan nilai etika dan pegangan agama.

"Kejatuhan empayar-empayar gagah di zaman silam seperti Rom, Ottoman dan Kesultanan Melaka membuktikan hakikat ini. Ketua negara, pemimpin dan anggota pentadbiran begitu asyik dengan kehidupan yang mewah tanpa mengambil kira dari mana datangnya kemewahan yang membiayai sistem pentadbiran mereka.

"Dalam suasana itu segala pendapatan negara diselewengkan oleh mereka dari peringkat bawah hingga ke pucuk pimpinan," katanya.

Amalan rasuah dalam masyarakat, menurut Dr Mahathir, terbahagi kepada dua peringkat iaitu yang pertama, apabila amalan itu dilakukan secara tersembunyi oleh pihak yang terlibat dan masyarakat pula memandang rasuah sebagai sesuatu yang keji dan tidak dapat diterima.

Katanya, pada peringkat itu, amalan rasuah masih boleh dikawal walaupun

sukar kerana kesulitan mendapatkan bukti.

Manakala pada peringkat kedua, amalan rasuah sudah menjadi amalan terbuka, dengan melibatkan semua pihak -- daripada pegawai yang tertinggi hingga kepada kakitangan yang terendah. Pada peringkat ini, amalan rasuah sukar dikawal dan dibanteras.

Dr Mahathir berkata di Malaysia, amalan rasuah masih di peringkat pertama.

"Menghulur rasuah belum lagi menjadi perkara biasa bagi kita. Justeru itu, kita masih boleh bertindak untuk mengawal rasuah," katanya.

Dr Mahathir berkata, sesebuah masyarakat yang dipenuhi amalan rasuah tidak mungkin menjadi maju dan kaya dan "masyarakat yang tidak maju ini akan mempunyai kos sara hidup yang tinggi pula kerana setiap sesuatu yang hendak dilakukan mestilah mengambil kira kos rasuah."

Katanya, individu yang mengamalkan rasuah sendiri tidak akan memperolehi apa-apa kelebihan kerana mereka juga perlu menanggung kos rasuah apabila berurusan dengan pegawai lain.

"Sebaliknya dalam masyarakat yang bebas daripada rasuah, kos rasuah tidak akan menyebabkan kos sara hidup naik. Diri sendiri tidak perlu membayar apa-apa yang lebih daripada bayaran yang ditentukan untuk satu-satu urusan," katanya.

Perdana Menteri berkata, dalam membendung rasuah, semua pihak perlu memainkan peranan, iaitu orang ramai dan pegawai yang membuat urusan.

Katanya, orang ramai perlu berani membuat aduan manakala bagi pegawai yang menyelia urusan, mereka perlu mengambil berat akan setiap rungutan dan bertindak sewajarnya.

"Jangka masa untuk sesuatu urusan hendaklah ditetapkan dan apabila didapati urusan kerap lewat maka tindakan yang tegas perlu diambil," katanya.

Pada sidang berita kemudiannya, Dr Mahathir berkata gejala rasuah di negara ini semakin meningkat, bagaimanapun, katanya: "kita harus ingat bahawa negara kita ini sudah berubah menjadi lebih maju dan saya fikir ada kaitannya juga antara rasuah dengan kemajuan negara yang dicapai."

"Saya anggap tahap (rasuah) memang serius, seboleh-bolehnya kita tak hendak langsung ada rasuah. Kalau ada peningkatan, kita tak boleh anggap itu sebagai perkara yang ringan, kita harus anggapnya sebagai gejala yang harus kita hapuskan," katanya.

Setakat ini BPR menerima sebanyak 10,000 maklumat berhubung rasuah dan lebih 600 daripadanya sedang disiasat, manakala bilangan surat layang yang diterima agak berkurangan tahun lepas, katanya selepas diberi taklimat mengenai keadaan rasuah di negara ini oleh BPR.

Dr Mahathir berkata, undang-undang baru rasuah yang kini berkuatkuasa akan memberi lebih kuasa kepada BPR untuk bertindak terutamanya terhadap mereka yang mempunyai harta yang tidak boleh dijelaskan puncanya.

Pada majlis itu, Perdana Menteri turut melancarkan penubuhan Jawatankuasa Keutuhan Pengurusan Pentadbiran Kerajaan di Peringkat Persekutuan, Negeri dan Daerah.

Beliau turut menyerahkan naskhah Akta Pencegahan Rasuah 1997 dan naskhah arahan Perdana Menteri Bilangan 1 Tahun 1998 kepada lapan orang yang mewakili jentera kerajaan dalam pelaksanaan langkah menyeluruh dan terancang mbanteras gejala rasuah. -- BERNAMA

RAZ WAT